

# Acara debat mampu lahir pelajar berdaya saing

UB 17.10.2014 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa memberikan sokongan yang konsisten pada setiap program debat dalam kalangan para pelajar.

Justeru, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Dr Ismail Ali (*gambar*) berkata, latihan dan aktiviti debat akan terus dirancakkan di peringkat universiti termasuk di kolej-kolej kediaman.

“Kemahiran dalam berdebat ini penting dalam membentuk sahsiah diri seorang pelajar bagi memupuk tahap keyakinan diri yang tinggi dan lebih berdaya saing selain sebagai usaha untuk mencungkil



bakat-bakat pelajar yang boleh diketengahkan dalam pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa,”

katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pencapaian pendebat UMS yang meraih tempat keempat pada Pertandingan Debat Perdana Gender 2014 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Ismail turut memuji usaha Dr Ramzah Dambul dan Rohani Hadi selaku wakil Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) di UMS yang sentiasa berusaha memartabatkan debat melalui pelbagai pendedahan dan peningkatan kemahiran dalam kalangan siswa-siswi.

“Hasilnya, daripada 60 pasukan yang bertanding

dalam kategori Bahasa Malaysia kita berjaya hingga ke peringkat akhir sekaligus meraih hadiah wang tunai RM1,500. Ia satu pencapaian membanggakan,” katanya.

Pertandingan ala Parlimen British itu menyaksikan

pasukan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Bmuncul juara, disusuli Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai naib juara manakala pasukan UIA A dan UMS masing-masing di tempat ketiga dan keempat.



PASUKAN UMS meraih tempat keempat dan membawa pulang trofi serta wang RM1,500.